



**PESERTA** seminar yang dihadiri tenaga penyelidik dari UMS dan STIE merakamkan kenangan bersama selepas seminar itu.

# UMS, STIE bekerjasama

## ► Gerakkan pelbagai usaha penyelidikan

UB 23.8.2018 A3

Oleh SITI AISYAH NARUDIN

**KOTA KINABALU:** Kerjasama antara Universiti Malaysia Sabah (UMS) dan Sekolah Tinggi Ilmu Ekonomi (STIE) Bulungan Tarakan Kalimantan Utara Indonesia bantu gerakkan pelbagai usaha pembangunan penyelidikan.

UMS menerusi Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan

Perakaunan (FPEP) sebelum ini memeterai memorandum persefahaman (MoU) dengan STIE bagi mencapai matlamat menjayakan usaha penyelidikan yang mampan.

Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Pengantarabangsaan) UMS Prof Dr Rasid Mail berkata, MoU berkenaan menjadi platform bagi kedua-dua pihak melaksanakan program melibatkan tenaga penyelidik dari dua buah negara.

Katanya, sejak tiga tahun lepas, kedua-dua institusi berjaya menganjurkan dua persidangan antarabangsa untuk membincangkan penemuan penyelidikan yang berkaitan dengan pelbagai isu sosio ekonomi.

“Persidangan pertama diadakan pada 16 Oktober 2017 di Kota Kinabalu dan ia berjaya mengumpulkan banyak hasil penyelidikan dalam pembentangan bersama rakan penyelidik STIE dan UMS.

“Seminar kedua dianjurkan di Tarakan bermula 13 hingga 16 Ogos lepas sebagai usaha memantapkan lagi kerjasama

“Persidangan pertama diadakan pada 16 Oktober 2017 di Kota Kinabalu dan ia berjaya mengumpulkan banyak hasil penyelidikan dalam pembentangan bersam rakan penyelidik STIE dan UMS.”

**PROF DR RASID MAIL**

Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Pengantarabangsaan) UMS



**RASID** (tengah) dan Philipus (kanan) ditemuramah wakil media tempatan Indonesia sempena program berkenaan.

antara UMS dan STIE,” katanya di sini pada Rabu. Beliau berkata, pembiayaan daripada pelbagai sumber amat perlu

dalam meneroka bidang penyelidikan.

Sehubungan itu, pihaknya berharap menerusi kerjasama penyelidikan yang dijalankan, ia mampu memberi manfaat besar kepada kedua-dua pihak.

Sementara itu, Ketua STIE Dr R Philipus berkata, kerjasama dengan UMS adalah yang pertama seumpamanya dan ia satu pencapaian penting bagi sesebuah institusi seperti STIE.

Menurutnya, STIE

memulakan kerjasama itu untuk merangsang dan mempergiatkan lagi usaha penyelidikan dalam kalangan tenaga pengajar STIE.

Katanya, langkah itu juga sebahagian daripada rancangan STIE untuk menjadi institusi pengajaran berasaskan penyelidikan.

Dalam pada itu, UMS turut merancang untuk menghantar dua pensyarah FPEP bagi melawat STIE dan pelajar fakulti berkenaan menjalani latihan industri di STIE tahun depan.